Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 9 – 12 JULAI 2021**

**BIL. 23 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 12 Julai 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 747,338** atau 88.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **91,272 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **8,574 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **844,870 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.5 peratus** atau **8,534 kes** daripada catatan harian dengan **83.0 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 40 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.3 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (17.9 peratus), Zon Selatan (17.8 peratus), Zon Utara (11.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.7 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **4,308 kes** disusuli Negeri Sembilan (794 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (609 kes), Kedah (415 kes), Melaka (411 kes) dan Johor (407 kes). Sejumlah **6,260 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **102 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **135 kes** yang dicatatkan pada 8 Julai 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 11 Julai 2021 menunjukkan seramai **7,840,034** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **1,497,345** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,398,957. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,383,493), Johor (552,584), Perak (485,403), Sabah (408,482), Pulau Pinang (395,269), Negeri Sembilan (310,230), Kedah (306,885) sementara Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 264,839 dan 252,883. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **11,366,710 meliputi 7,840,034** penerima bagi **dos pertama** manakala **3,526,676** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Penawaran pekerjaan meningkat lebih tinggi pada Mei 2021.** Penawaran pekerjaan US yang meningkat ke paras tertinggi baharu pada Mei 2021 dan pengambilan pekerja merosot, menandakan bahawa ekonomi US menghadapi kekurangan tenaga kerja setelah sekatan COVID-19 dilonggarkan di seluruh negara. Hasil tinjauan Labor Department dalam Job Openings and Labour Turnover Survey (JOLTS) menunjukkan penawaran pekerjaan meningkat 16,000 kepada 9.2 juta pada hujung Mei 2021. Pengambilan pekerja pula menunjukkan penurunan kepada 5.9 juta pada Mei berbanding 6.0 juta pada bulan sebelumnya. (Reuters)

- EU: **Unjuran pertumbuhan disemak naik dan inflasi yang lebih tinggi diramalkan.** EU Comission menaikkan unjuran pertumbuhan Zon Eropah dan memberi amaran bahawa inflasi akan meningkat lebih tinggi dari yang dijangkakan jika kekurangan bekalan berterusan. Zon Eropah dijangka tumbuh 4.8% tahun ini berbanding 4.3% yang diunjurkan sebelum ini. Prospek ekonomi untuk tahun hadapan turut disemak meningkat kepada 4.5% daripada 4.3%. (RTT)

- EU: **Defisit perdagangan France tertinggi bagi tempoh 9 bulan.** Defisit perdagangan France meningkat kepada tertinggi sembilan bulan pada Mei 2021 dan defisit akaun semasa meningkat. Defisit perdagangan meningkat kepada EURO6.8 bilion pada Mei berbanding EURO6.33 bilion pada April 2021. Ini adalah defisit terbesar sejak Ogos 2020 ketika defisit adalah EURO7.08 bilion. Data menunjukkan bahawa eksport turun -3% bulan ke bulan dan import menyusut -1.6%. Pada perbandingan tahun ke tahun, eksport dan import masing-masing meningkat 37.5% dan 37.2%. (RTT)

- UK: **Produktiviti pekerja meningkat pada suku pertama 2021.** Produktiviti buruh UK pulih pada suku pertama. Office for National Statistics (ONS) melaporkan output per jam meningkat 0.9% suku tahun ke suku tahun, menyusuli kejatuhan -0.7% pada ST4 2020. ONS melaporkan jumlah jam bekerja jatuh lebih cepat daripada nilai ditambah kasar, menghasilkan lebih banyak output per jam bekerja pada ST1 2021. Output per jam adalah 0.5% mata di atas tahap sebelum COVID-19. (RTT)

- JAPAN: **Japan dijangka memberikan suntikan baharu pada nilai pakej sekurang-kurangnya USD180 bilion.** Perdana Menteri Jepun Yoshihide Suga berkemungkinan akan melancarkan satu lagi pakej rangsangan ekonomi bernilai sekurang-kurangnya USD180 bilion dalam beberapa bulan kehadapan. Seramai 17 dari 18 penganalisis ekonomi yang menjangkakan pengumuman itu akan dilakukan sebelum pilihan raya. Ramalan median adalah untuk pakej antara ¥20 trilion dan ¥30 trilion. (The Edge)

- Taiwan: **Eksport meningkat kurang dari yang dijangkakan pada Jun 2021.** Eksport Taiwan meningkat 35.1% YoY pada Jun 2021, selepas kenaikan 38.6% pada bulan Mei 2021. Eksport produk Elektronik, teknologi maklumat, komunikasi dan produk audio-video; logam asas dan produk logam asas; Plastik dan getah dan produk berkaitan; dan jentera meningkat pada Jun 2021. (RTT)

- US: **Pertumbuhan sektor perkhidmatan perlahan pada Jun 2021.** Setelah melaporkan rekod pertumbuhan sektor perkhidmatan pada bulan sebelumnya, laporan Institute for Supply Management menunjukkan kadar pertumbuhan sektor Perkhidmatan US turun kepada 60.1 pada bulan Jun dari 64.0 pada Mei 2021. Walau bagaimanapun, skor di atas 50 masih menunjukkan sektor ini masih merekodkan pertumbuhan. Penganalisis ekonomi menjangkakan indeks turun ke tahap 63.5. (RTT)

- EU**: Jualan runcit pulih pada Mei 2021.** Jualan runcit Zon Eropah berkembang pada Mei 2021 setelah jatuh pada bulan sebelumnya. EUROSTAT melaporkan jumlah hasil sub-sektor Peruncitan meningkat 4.6% bulan ke bulan pada Mei 2021, berbanding penurunan -3.9% pada bulan April 2021. Penjualan makanan, minuman dan tembakau turun -0.2%, sementara penjualan produk bukan makanan meningkat 8.8%. Penjualan bahan bakar automotif di kedai khusus meningkat 8.1%. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan jualan runcit perlahan kepada 9% daripada 23.3% pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi meramalkan penjualan meningkat 8.2%. (RTT)

- EU: **Pesanan industri Germany turun pada Mei 2021.** Pesanan untuk produk buatan Germany mencatat penurunan terbesar pada Mei 2021 sejak **sekatan pergerakan penuh** pada tahun 2020. Data menunjukkan penurunan ini adalah diakibatkan oleh permintaan yang lemah dari negara-negara di luar Zon Eropah dan kontrak untuk mesin dan barangan perantaraan yang lebih sedikit. Data menunjukkan pesanan untuk produk pembuatan turun -3.7% pada bulan tersebut bulan ke bulan, menandakan penurunan pertama dalam tahun ini. (Reuters)

- UK: **Pembinaan kediaman mendorong pertumbuhan pembinaan ke tahap tertinggi 24 tahun.** Industri pembinaan UK berkembang dengan pesat dalam 24 tahun, didorong oleh lonjakan pembinaan kediaman yang mulai mendorong inflasi. IHS Markit melaporkan indeks utama pengurus pembelian melonjak kepada 66.3 pada bulan Jun 2021. Penganalisis ekonomi telah meramalkan penurunan yang sederhana. (Bloomberg)

- JAPAN: **Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah mungkin perlahan dari bulan sebelumnya.** Perbelanjaan isi rumah Japan meningkat pada kadar dua digit pada bulan Mei 2021 apabila pengguna membeli kereta dan telefon bimbit. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhannya perlahan dari bulan sebelumnya apabila gelombang baharu jangkitan COVID-19 membebani keyakinan pengguna. (Reuters)

- TAIWAN: **Kadar pengangguran meningkat pada bulan Mei 2021.** Statistik yang dikeluarkan oleh Directorate General of Budget, Accounting and Statistics menunjukkan kadar pengangguran Taiwan meningkat pada bulan Mei 2021. Kadar pengangguran meningkat kepada 4.15% pada bulan Mei 2021 daripada 3.71% pada bulan April 2021. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Kerajaan akan menurunkan tinjauan pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini** sekitar **4.0 peratus** berikutan sekatan pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19. **Sekatan pergerakan menyebabkan ekonomi menanggung kerugian RM1 bilion sehari** dan hanya kira-kira 10 peratus penduduk sudah divaksin sepenuhnya. Kerajaan sebelum ini menyatakan akan menyemak semula tinjauan, yang pada ketika ini antara 6.0 hingga 7.5 peratus.

2. **Langkah pengurangan duti import yang dilaksanakan India ke atas minyak sawit mentah (MSM)** Malaysia dijangka **melonjakkan permintaan dari negara pengguna minyak sawit terbesar dunia sehingga 10 peratus**. Langkah kerajaan India tersebut membuktikan harga MSM lebih kompetitif berbanding minyak sayuran lain yang akan menyebabkan permintaan lebih tinggi. Menurut data MPOB, **eksport minyak sawit Malaysia ke India meningkat lebih lapan kali ganda** bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021.

3. **Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berusia 55 tahun** ke bawah boleh membuat permohonan **pengeluaran i-Citra bermula 12 Julai 2021**. Ahli yang layak untuk membuat pengeluaran simpanan KWSP mereka **sehingga jumlah maksimum RM5,000 akan dibayar sehingga lima kali bayaran iaitu sebanyak RM1,000 sebulan** tertakluk kepada baki simpanan. Inisiatif i-Citra diperkenalkan selaras dengan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) oleh Perdana Menteri pada 28 Jun lalu.

4. **Bank Negara Malaysia akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75** peratus berdasarkan kepada keadaan semasa ekonomi dalam situasi pandemik ini.

5. **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac)** menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) **memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih)** dengan pengenalan empat Program Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi bagi membantu koperasi terjejas.

6. **Pengerusi Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa** Temerloh memaklumkan **hanya tinggal 60 pemandu yang masih aktif** daripada 115 ahli persatuan berkenaan disebabkan kesan pandemik Covid-19 selain terpaksa berdepan dengan saingan perkhidmatan e-hailing.

7. **Grand Seasons Hotel Kuala Lumpur yang berhenti beroperasi** pada 28 Februari 2019 **telah diberi nafas baru setelah bekerjasama dengan**

**Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP)** untuk mengubah bangunan 40 tingkat itu menjadi hotel kebajikan. Lebih dikenali dengan nama **RumahPrihatin@GrandSeasons**, ia bertujuan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat Covid-19 yang bakal beroperasi mulai 15 Julai ini.

8. **Perkhidmatan digital AirAsia Group Bhd** yakin mampu mengatasi perniagaan **penerbangan dalam tempoh beberapa tahun akan datang kerana potensi itu sudah wujud dan bergantung** kepada bagaimana kumpulan akan merealisasikannya. AirAsia sentiasa terus berkembang dalam perniagaan penerbangan dan digital, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk pandemik COVID-19.

9. **Industri pembuatan sarung tangan getah Malaysia** menunjukkan perlunya langkah perundangan dan dasar yang ada untuk **melangkah lebih jauh dalam menangani eksploitasi buruh dan keadaan kerja yang kurang baik** dalam rantaian bekalan di tengah peningkatan permintaan sarung tangan perubatan semasa pandemik COVID-19.

10. **Sistem pembayaran gaji digital Construx** akan digunakan semua kontraktor dan **pekerja pembinaan yang telah mendaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** secara percuma. Melalui platform ini, syarikat pembinaan kini boleh **menguruskan pembayaran gaji pekerja mereka secara terus ke Kad Pendaftaran** Personel Pembinaan CIDB (Kad Hijau CIDB) dan aplikasi dompet mudah alih Construx.

11. **Kerajaan telah menyalurkan bantuan lebih 500,000 bakul makanan kepada rakyat berjumlah RM50 juta**. Selain itu, bantuan bukan tunai sebanyak RM100 juga akan **diagihkan kepada 300,000 penduduk** untuk pembelian barang keperluan di 300 rangkaian kedai runcit, pasar mini dan pasar raya mulai Julai hingga September dengan menggunakan kad pengenalan.

12. **Inisiatif pembangunan sektor perlancongan** oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) meliputi tiga inisiatif iaitu **pengecualian atau pengurangan kadar sewaan premis niaga** dan **bayaran yuran pengurusan produk komersial milikan LADA**, bantuan CSR kepada komuniti dan Rancangan Pemulihan Pelancongan Langkawi (T-REC) 2021-2022.

13. **Hampir 500 pusat pemberian vaksin (PPV) klinik** pengamal perubatan am swasta (GP) akan memberikan vaksin bermula 15 Jun dan sasaran sebanyak **1,000 klinik GP swasta akan dijadikan PPV sebelum 30 Jun 2021**.

14. **Permintaan terhadap ikan sungai** terutama ikan patin tiada sambutan berikutan pelbagai sekatan dalam tempoh PKP. Sebelum PKP, ikan patin boleh laku kira-kira 100 kilogram (kg) sehari berbanding apabila sejak bermulanya PKP cuma 10 kg mampu dipasarkan.

15. **Sebanyak RM48.67 juta hasil tanaman berjaya dipasarkan melalui Inisiatif pasar segar terkawal (PST)**, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, sektor pertanian dan industri makanan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus pada tahun lalu. **Ketika ini, peningkatan hasil jualan sebanyak 1,200 hingga 1,300 tan metrik sehari berbanding sebelum ini kira-kira 900 metrik tan.**

16. Pelbagai bantuan bersasar di bawah pakej-pakej ekonomi disediakan bagi membantu pengusaha sektor agromakanan yang terkesan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) disediakan oleh MAFI. **Program Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank yang memperuntukkan bantuan RM850 juta termasuk RM350 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan RM500 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).**

17. **Shopee Malaysia menawarkan manfaat bernilai sehingga RM3,000 daripada program *Go-eCommerce Onboarding* kepada 60 ribu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro tempatan**. Kriteria kelayakan adalah lebih 50 peratus saham syarikat mesti dimiliki warganegara Malaysia atau entiti tempatan dan jualan bulanan tidak melebihi RM4 juta. Peniaga Shopee sedia ada akan menikmati baucar pulangan tunai Syiling Shopee bernilai RM2,500 untuk kedai selain rebat yuran perkhidmatan bernilai sehingga RM500. Peniaga Shopee baharu yang berdaftar bermula 1 Julai 2021 akan menerima tawaran baucar pulangan tunai Syiling Shopee bernilai RM1,500 untuk kedai dan rebat yuran perkhidmatan bernilai sehingga RM1,500.

18. Sebanyak **RM500 juta bayaran Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 Pemerkasa Tambahan akan disalurkan kepada hampir 1 juta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro bermula 12 Julai**. GKP 3.0 berjumlah RM1.5 bilion, atau RM1,500 kepada setiap PKS mikro yang layak. Daripada jumlah itu, RM1 bilion, atau RM1,000 kepada setiap PKS Mikro yang layak telah disalurkan pada pertengahan Jun.

19. **Seramai 18,000 orang pekerja industri melibatkan 407 kilang pembuatan di Sabah akan menerima vaksin** menerusi Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam Swasta (PIKAS).

Pemberian vaksin ini meliputi lima daerah iaitu Kota Kinabalu, Putatan, Penampang, Papar dan Tuaran.

20. **Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) pertama** untuk **Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) akan dibuka di Cititel Mid Valley City, Kuala Lumpur bermula 26 Julai.** PPVIN Mid Valley City, dengan kapasiti 1,500 penerima sehari di bawah RiVAC, disasarkan dapat memberikan vaksinasi kepada 31,000 pekerja barisan hadapan ekonomi sektor peruncitan di sekitar Kuala Lumpur. RiVAC menyasarkan barisan hadapan ekonomi seperti juruwang, jurujual, kru restoran, pekerja stesen minyak, kru pasar raya, kru gedung serbaneka, tukang gunting dan kecantikan, pengurusan kompleks beli-belah dan pekerja rantaian pengedaran. KPDNHEP menyasarkan 500,000 pekerja barisan hadapan ekonomi sektor peruncitan di seluruh negara untuk menyertai RiVAC seberapa segera yang mungkin.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>11 Julai 2021<br>(*Non-essential*) | **Eksport MSM ke India dijangka melonjak**<br><br>Langkah pengurangan duti import yang dilaksanakan India ke atas minyak sawit mentah (MSM) Malaysia dijangka melonjakkan permintaan dari negara itu sehingga 10 peratus.<br><br>Walaubagaimanapun, kadar cukai MSM Malaysia berada pada lapan peratus, menjadikan harga MSM negara ini lebih tinggi berbanding Indonesia.<br><br>Namun begitu, jumlah permintaan MSM bagi Malaysia dan Indonesia dijangka meningkat secara keseluruhan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/838232/eksport-msm-ke-india-dijangka-melonjak |
| 2. | **Berita Harian**<br>11 Julai 2021<br>(*Non-essential*) | **Lebih 500,000 bakul makanan bernilai RM50 juta diagihkan**<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengendalikan 500,000 bakul makanan bernilai RM50 juta sudah diagihkan ke seluruh negara sejak Januari lalu.<br><br>Selain itu, kerajaan melalui program Kasih Prihatin memperuntukkan RM100 juta dalam bentuk bukan tunai bernilai RM100 untuk 300,000 penduduk untuk membeli barang keperluan harian di 300 rangkaian kedai runcit, pasar mini dan pasar raya mulai Julai hingga September ini. Pembelian barangan keperluan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/838103/lebih-500000-bakul-makanan-bernilai-rm50-juta-diagihkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dilaksanakan dengan menggunakan kad pengenalan. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>12 Julai 2021<br>(*Non-essential*) | **LADA laksana tiga inisiatif pulih ekonomi Langkawi**<br><br>Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bakal melaksanakan tiga inisiatif utama dalam usaha memulihkan semula ekonomi penduduk pulau peranginan itu yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.<br><br>Inisiatif pertama adalah pengecualian atau pengurangan kadar sewaan premis niaga dan bayaran yuran pengurusan produk komersial milikan LADA bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.<br><br>Inisiatif kedua melaksanakan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM91,400 bagi membantu komuniti Langkawi.<br><br>Inisiatif ketiga melalui Rancangan Pemulihan Pelancongan Langkawi (T-REC) 2021-2022 mensasarkn kedatangan 590,000 pelancong dan janaan pendapatan mencecah RM288.4 juta pada suku keempat tahun ini | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/07/838674/lada-laksana-tiga-inisiatif-pulih-ekonomi-langkawi |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan India mengumumkan pengurangan duti import minyak sawit mentah kepada 10 peratus daripada 15 peratus. Kadar cukai baharu itu berkuat kuasa dari 30 Jun 2021 hingga 30 September 2021.

2. Kerajaan telah menyalurkan bantuan lebih 500,000 bakul makanan kepada rakyat berjumlah RM50 juta. Selain itu, bantuan bukan tunai sebanyak RM100 juga akan diagihkan kepada 300,000 penduduk untuk pembelian barang

keperluan di 300 rangkaian kedai runcit, pasar mini dan pasar raya mulai Julai hingga September dengan menggunakan kad pengenalan.

3. Inisiatif pembangunan sektor pelancongan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) meliputi tiga inisiatif iaitu pengecualian atau pengurangan kadar sewaan premis niaga dan bayaran yuran pengurusan produk komersial milikan LADA, bantuan CSR kepada komuniti dan Rancangan Pemulihan Pelancongan Langkawi (T-REC) 2021-2022.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengurangan duti import minyak sawit mentah oleh kerajaan India dijangka dapat meningkatkan jumlah eksport barangan secara keseluruhan. Pada ST1 2021, eksport barangan menyumbang sebanyak 63.1 peratus kepada KDNK negara iaitu RM216, 388 juta.

2. Bantuan berupa bakul makanan dan bantuan bukan tunai ini merupakan pindahan kerajaan kepada isi rumah yang direkodkan dalam perbelanjaan pengggunaan akhir kerajaan. Pada suku tahun pertama 2021, pertumbuhan perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan direkodkan pada 5.9 peratus dan pada tahun 2020 3.9 peratus.

3. Sektor pelancongan negara adalah sangat terkesan akibat penularan COVID-19. Siri PKP dan sekatan perjalanan dalam dan luar negara yang masih berlangsung menyukarkan usaha pemulihan sektor ini. Berdasarkan prestasi perkhidmatan penginapan, pertumbuhan industri ini masih kekal negatif melebihi 50 peratus sejak suku tahun kedua 2020. Pertumbuhan pada suku tahun pertama adalah -59.1 peratus.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Utusan Malaysia**<br>9 Julai 2021<br>(*Non-essential*) | **Kekal OPR 1.75 peratus, petunjuk ekonomi mampu pulih**<br>Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) dilihat bersikap positif terhadap pemulihan ekonomi negara apabila mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75 peratus. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/kekal-opr-1-75-peratus-petunjuk-ekonomi-mampu-pulih/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Harian Metro**<br>9 Julai 2021<br>(*Non-essential*) | **Kempen promosi PKS**<br><br>MEDIA Prima Omnia menawarkan Pakej Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) #KitaMalaysia bagi membantu mempromosi produk dan perkhidmatan tempatan sempena meraikan Hari Kebangsaan ke-64 tidak lama lagi.<br><br>Usahawan berpeluang mendapatkan penampilan media bernilai RM1 juta merangkumi liputan dalam akhbar, radio dan digital sekiranya mereka menyertai satu daripada empat pakej ditawarkan melalui kempen #KitaMalaysia<br>Pakej pertama ditawarkan adalah Pakej Pemula iaitu pada harga bermula RM5,000 apabila usahawan berpeluang menyerlahkan produk mereka melalui Wowshop dan platform lain di bawah Media Prima bermula 16 Ogos hingga penghujung September.<br>Pakej Premium terdiri daripada tiga pek berbeza dengan masing-masing ditawarkan pada harga RM10,000, RM15,000 dan RM20,000 yang memberi peluang lebih luas dan liputan di lebih banyak platform kendalian Media Prima. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/728275/kempen-promosi-pks |
| 3. | **Harian Metro**<br>9 Julai 2021<br>(*Essential*) | **4 program pemulihan**<br><br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/728289/4-program-pemulihan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pemulihan Ekonomi (Pemulih) dengan pengenalan empat Program Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi bagi membantu koperasi terjejas. Program ini berlangsung dalam tempoh setahun bermula Julai 2021 hingga Julai 2022 bagi memastikan momentum perniagaan koperasi kembali stabil. | |
| 4. | **Kosmo**<br>9 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Shopee tawar musang king serendah 77 sen**<br>Durian yang dibeli melalui platform Shopee dilindungi oleh polisi Jaminan Shopee dan pengguna boleh membeli durian tanpa rasa bimbang.<br>Polisi tersebut akan memastikan bahawa Shopee memegang pembayaran secara escrow sehingga pembeli memastikan barangan yang diterima adalah tulen dan berada dalam keadaan baik sebelum bayaran dilepaskan kepada penjual. | https://www.kosmo.com.my/2021/07/09/shopee-tawar-musang-king-serendah-77-sen/ |
| 5. | **The Edge Market**<br>9 Julai 2021<br>(*Essential*) | **First retail sector PPVIN to open at Mid Valley City on July 26**<br>The first industrial vaccination centre (PPVIN) for the Retail Industry Vaccination Programme (RiVAC) will be opened at Cititel Mid Valley City, Kuala Lumpur starting from July 26.<br>Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the Mid Valley City PPVIN, with a capacity of 1,500 recipients a day under RiVAC, is targeted to vaccinate 31,000 frontline workers in the retail economic sector in Kuala Lumpur. | https://www.theedgemarkets.com/article/first-retail-sector-ppvin-open-mid-valley-city-july-26 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | He said RiVAC targets the frontliners of the economy such as cashiers, sales personnel, restaurant crew, petrol station workers, supermarket staff, departmental store employees, barbers and beauticians, shopping complex management staff and distribution chain workers.<br>"RiVAC is to ensure the retail sector can provide shopping service as well as a safe and assuring consumer experience," he said in a statement today. | |
| 6. | **Malay Mail**<br>10 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Shopee's Shah Alam warehouse to be temporarily closed to implement Covid-19 SOPs**<br><br>Shopee's Shah Alam warehouse will be temporarily closed to allow the e-commerce player to implement additional standard operating procedures (SOPs) outlined by the Health Ministry (MoH). Shopee said the MoH has suggested additional SOPs guidance for the company to implement at the Shah Alam warehouse yesterday as Shah Alam has been placed under enhanced movement control order. | https://www.malaymail.com/news/money/2021/07/10/shopees-shah-alam-warehouse-to-be-temporarily-closed-to-implement-covid-19/1988876 |
| 7. | **The Star**<br>10 Julai 2021<br>(*Essential*) | **MR DIY has new store concept to boost sales**<br>To entrench its presence in the consumer home improvement industry even further, MR DIY Group (M) Bhd is trialling a different store strategy on top of its existing one in the hopes of | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/10/mr-diy-has-new-store-concept-to-boost-sales |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | capturing more sales to meet its targets.<br>The group's chief executive officer Adrian Ong tells StarBizWeek that its expansion strategy to grow is still on track despite the pandemic and it recently began with a different store concept in certain locations, starting off first in the rural areas. "We have decided to trial a new store front format and have decided to call it MR DIY Express. To summarise it, this is a mini version of our flagship brand MR DIY. | |
| 8. | **Utusan Malaysia**<br>10 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Vivo jenama telefon pintar 5G kedua paling cepat tumbuh**<br>Vivo disenaraikan sebagai jenama telefon pintar 5G kedua paling cepat bertumbuh dalam suku pertama 2021, menurut penyelidikan yang dijalankan Strategy Analytics. Menurut penyelidikan itu, Vivo mencatat pertumbuhan 62 peratus suku ke suku di bawah Samsung yang merekodkan pertumbuhan 79 peratus dan menewaskan jenama besar lain seperti OPPO (55 peratus), Xiaomi (41 peratus) dan Apple (-23 peratus). | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/vivo-jenama-telefon-pintar-5g-kedua-paling-cepat-tumbuh/ |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 9. | **Sinar Harian**<br>12.7.2021<br>(*Essential*) | **'Pergi kosong, balik pun kosong' - Teksi**<br><br>PKP 3.0 menyebabkan rakan-rakan pemandu teksi lain terjejas sumber pendapatan yang lebih teruk berbanding dua PKP sebelum ini. Pergi kosong, balik pun kosong. Dapat RM10 sehari pun sudah bertuah." Itu antara keluhan pemandu teksi di sekitar bandar ini yang semakin hari | https://www.sinarharian.com.my/article/149357/EDISI/Pergi-kosong-balik-pun-kosong |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | semakin tertekan berikutan pandemik Covid-19 yang masih belum reda. Mereka mendakwa, keadaan bertambah buruk sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan bermula 1 Jun lalu. | |
| | **C. Subsektor Penginapan** | | |
| 10. | **SAYS**<br>**9 Julai 2021**<br>(Essential) | **KL Hotel Given New Life As Govt-Operated Transit Homes For People In Need**<br><br>Grand Seasons Hotel Kuala Lumpur was given a new life after collaborating with the Ministry of Federal Territories and Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) to turn the 40-storey building into a welfare hotel beginning 15 July. The welfare hotel will be called Rumah Prihatin@Grand S easons and handled by a group of non-governmental organisations (NGO). Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa said the hotel will be used to help those who are impacted by the COVID-19 pandemic. | https://says.com/my/news/kl-hotel-given-new-life-as-govt-operated-transit-homes-for-people-in-need |
| 11. | **MalayMail**<br>**11 Julai 2021**<br>(Essential) | **Zambry: Special formula needed to assist Pulau Pangkor tourism operators during Covid-19**<br><br>The state government needs to seek a special formula to continuously assist tourism operators in Pulau Pangkor as the sector has been affected for so long due to the Covid-19 pandemic. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/11/zambry-special-formula-needed-to-assist-pulau-pangkor-tourism-operators-dur/1989028 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pangkor Island Hotel and Resort Development Association chairman, Mohd Zamzuri Suid, 52, said more than 300 hotel and resort workers in Pulau Pangkor have to be terminated after the island resort was closed to tourists following the implementation movement control order (MCO) this year. He also proposed to the state government that the vaccination process in Pulau Pangkor should speed up to achieve herd immunity and thus enabling the faster reopening of the tourism sector which a major sector the people in Pulau Pangkor depended on. | |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 12. | **New Straits Times**<br>9 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Private hospital beds in Klang Valley stretched due to Covid-19 patients**<br><br>Private hospital beds in Klang Valley have reached full occupancy as their capacity and capabilities are stretched to assist the public healthcare sector.<br><br>The Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) president Datuk Dr Kuljit Singh said private hospitals were extensively carrying out COVID-19 testing, participating in vaccination at mega vaccination centres (PPVs), treating COVID-19 patients and attending to non-Covid patients through the decanting exercise. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/706776/private-hospital-beds-klang-valley-stretched-due-covid-19-patients |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Private hospitals are also preparing to accept more non-Covid patients from the government; however, private hospitals are also impeded with some challenges. Firstly, we do not have additional manpower like public hospitals which employ housemen and medical officers (MO). Secondly, private hospitals are relatively smaller than public hospitals and not all private hospitals are designed to treat infectious diseases. Thirdly, patients seeking our services are paying us and we are liable to them. So, we cannot simply re-purpose spaces within our vicinity to house as many patients as possible," he told the New Straits Times. | |
| 13. | **The Edge Malaysia**<br>10 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Dr Adham: 509 private general medical practitioners allowed to issue HSO to Covid-19 positive patients**<br><br>A total of 509 private general medical practitioners (GPs) have been given authorisation letters to issue home surveillance and observation (HSO) orders to COVID-19 patients.<br><br>Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said the HSO would be issued to positive patients who would then be treated at the COVID-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre (PKRC) managed by a private medical | https://www.theedgemarkets.com/article/dr-adham-509-private-general-medical-practitioners-allowed-issue-hso-covid19-positive |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | centre or at their respective homes. Cooperation between GPs and private medical centres has increased in assisting the MoH," he said. The MoH was working with private medical practitioners and employers to set up a COVID-19 Assessment Centre and PKRC. | |
| 14. | **Harian Metro**<br>10 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Hospital Medan HTAR dipindahkan ke HATTM**<br><br>Kementerian Kesihatan (KKM) memutuskan untuk tidak meneruskan pembukaan Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang sebaliknya akan mengoptimumkan penggunaan katil di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM).<br><br>KKM kini sedang giat melaksanakan penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta (decanting) yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti katil di hospital awam.<br><br>Dr Adham berkata, sehingga kini sebanyak 112 hospital swasta sudah menyatakan kesudian untuk merawat pesakit COVID -19 di hospital mereka membabitkan 1,277 katil dan 129 katil di Unit Rawatan Rapi (ICU). "Daripada jumlah berkenaan, di Selangor jumlah katil yang diterima adalah sebanyak 383 katil dan setakat ini 122 pesakit sudah dirawat menjadikan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/728786/hospital-medan-htar-dipindahkan-ke-hattm |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | peratusan penggunaan katil sudah mencecah 70 peratus. "Selain itu di Kuala Lumpur sebanyak 202 katil diterima dan sudah 107 pesakit kini dirawat di hospital swasta iaitu 76 peratus penggunaan katil sudah digunakan. Peratusan penggunaan katil swasta yang digunakan di negeri lain pula ialah, Pulau Pinang dengan 35 peratus; Johor (29 peratus); Pahang (17 peratus); Melaka (10 peratus); Perak (enam) dan Negeri Sembilan (lima peratus). | |
| 15. | **New Straits Times** 11 Julai 2021 (*Essential*) | **'Cap charges for COVID-19 at private hospitals'**<br><br>The government has been urged to set a ceiling price for COVID-19 treatment charges at private hospitals so that those in the middle-income bracket could see it as a viable option.<br><br>Health economist Dr Maznah Dahlui said based on her studies, a ceiling price of RM20,000 and RM50,000 should be set for treatment for Category 3 and severe (Categories 4 and 5) COVID-19 patients, respectively, as straightforward cases only required beds, CT scans and supervision.<br><br>The authorities should compel insurance companies to cover costs so that seeking treatment for COVID-19 at private hospitals could be an option for the middle-income group. Private hospitals should increase the intake of | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/707109/cap-charges-covid-19-private-hospitals |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Categories 4 and 5 COVID-19 patients and the Health Ministry could take over private hospital resources such as wards, ICUs, floors or even wings. | |
| 16. | **Berita Harian**<br>11 Julai 2021<br>(*Essential*) | **PPV di Kelantan mampu suntik 30,000 dos vaksin sehari**<br><br>Kapasiti suntikan vaksin COVID-19 di Kelantan boleh ditingkatkan daripada 15,000 dos sehari kepada 30,000 dos sehari apabila negeri itu dijangka menerima lebih 400,000 dos vaksin bulan ini.<br><br>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin, berkata enam jenis pusat pemberian vaksin (PPV) di seluruh negeri memiliki kemampuan mengurus proses vaksinasi berkenaan merangkumi 18 PPV awam, 10 PPV hospital termasuk Hospital Universiti Sains Malaysia, dua PPV hospital swasta dan lebih 20 PPV Pengamal Perubatan Am Swasta. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/838236/ppv-di-kelantan-mampu-suntik-30000-dos-vaksin-sehari |

Penemuan penting & isu:

1. BNM akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75 peratus berdasarkan kepada keadaan semasa ekonomi dalam situasi pandemik ini.

2. MEDIA Prima Omnia menawarkan Pakej Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) #KitaMalaysia bagi membantu mempromosi produk dan perkhidmatan tempatan sempena meraikan Hari Kebangsaan ke-64.

3. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) dengan pengenalan empat Program Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi bagi membantu koperasi terjejas.

4. Platform dalam talian, Shoppee menawarkan harga Durian Musing King serendah 77 sen.

5. *The first industrial vaccination centre (PPVIN) for the Retail Industry Vaccination Programme (RiVAC) will be opened at Cititel Mid Valley City, Kuala Lumpur starting from July 26.*

6. *Shopee's Shah Alam warehouse will be temporarily closed to allow the e-commerce player to implement additional standard operating procedures (SOPs) outlined by the Health Ministry (MoH).*

7. *MR DIY Group (M) Bhd is trialling a different store strategy on top of its existing one in the hopes of capturing more sales to meet its targets.*

8. Vivo disenaraikan sebagai jenama telefon pintar 5G kedua paling cepat bertumbuh dalam suku pertama 2021.

9. Pengerusi Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Temerloh memaklumka hanya tinggal 60 pemandu yang masih aktif daripada 115 ahli persatuan berkenaan disebabkan kesan pandemik Covid-19 selain terpaksa berdepan dengan saingan perkhidmatan e-hailing.

10. Grand Seasons Hotel Kuala Lumpur yang berhenti beroperasi pada 28 Februari 2019 telah diberi nafas baru setelah bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) untuk mengubah bangunan 40 tingkat itu menjadi hotel kebajikan. Lebih dikenali dengan nama RumahPrihatin@GrandSeasons, ia bertujuan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat Covid-19 yang bakal beroperasi mulai 15 Julai ini.

11. Lebih daripada 300 pekerja hotel dan resort di Pulau Pangkor harus diberhentikan setelah resort di pulau itu ditutup kepada pelancong berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (MCO).

12. Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh berkata, hospital swasta banyak melakukan ujian COVID-19, terlibat dalam vaksinasi di pusat vaksinasi mega (PPV), merawat pesakit COVID-19 dan juga merawat pesakit bukan COVID.

13. KKM bekerjasama dengan pengamal perubatan swasta dan majikan untuk menubuhkan Pusat Penilaian COVID-19 dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC).

14. KKM kini sedang giat melaksanakan penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta (*decanting*) yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti katil

| | | | |
|---|---|---|---|
| | di hospital awam. Memperincikan mengenai proses penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 itu, Dr Adham berkata, pesakit yang tidak dijangkiti akan dihantar ke hospital swasta berdekatan bagi mendapatkan rawatan lanjut.<br><br>15. Menurut Persatuan Hospital Swasta Malaysia, sebanyak 112 dari 211 hospital swasta di seluruh negara terlibat merawat pesakit COVID-19.<br><br>16. Pakar ekonomi kesihatan Dr Maznah Dahlui berkata berdasarkan kajiannya, harga siling RM20,000 dan RM50,000 harus ditetapkan untuk rawatan pesakit kategori 3 dan parah (Kategori 4 dan 5) COVID-19 di hospital swasta.<br><br>17. Negeri Kelantan mempunyai 18 PPV awam, 10 PPV hospital termasuk Hospital Universiti Sains Malaysia, dua PPV hospital swasta dan lebih 20 PPV Pengamal Perubatan Am Swasta. Gabungan semua PPV ini mampu memberi 30,000 suntikan dos vaksin sehari apabila Kelantan terima 438,000 dos vaksin bulan ini yang akan dihantar secara berperingkat setiap minggu. | | |
| | Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pendapatan pemandu teksi terjejas teruk disebabkan sekatan PKP 3.0. Ini akan memberi kesan pengurangan pendapatan terhadap perkhidmatan operasi teksi dan limosin (49224) dalam segmen Pengangkutan Darat untuk tempoh ST2 dan ST3 2021.<br><br>2. Pemberhentian pekerja akan menjejaskan bilangan pekerja industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.<br><br>3. Penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta (decanting) yang giat dilaksana oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akan menyumbang kepada hasil industri hospital swasta pada suku tahun ketiga 2021. | | |
| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>7 Julai 2021<br>(*Non-Essential)* | **Steel sector in tight MCO spot**<br><br>The RM45bil domestic steel sector has been severely impacted by the prolonged Covid-19 led lockdowns with many players unable to operate and fulfil their outstanding orders, despite the current robust export market.<br><br>Most steel manufacturers are facing tremendous financial | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/12/steel-sector-in-tight-mco-spot |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | losses, especially those operating in Selangor and Kuala Lumpur, the powerhouses of industries and services that contribute over 40% of the country's gross domestic product (GDP).<br><br>Steel manufacturers are worried about the damage to their furnaces and equipment, which will add to their hardship and already precarious financial situation due to the various lockdowns since last year. | |
| 2. | **Reuters**<br>7 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Malaysia end-June palm stocks hit 9-month high as output, imports grow**<br><br>Malaysia's palm oil stockpiles expanded to a nine-month high of 1.61 million tonnes at end-June, as rising production and imports offset a sharp rebound in exports, data from industry regulator Malaysian Palm Oil Board (MPOB).<br><br>Inventories at the world's second-largest producer rose 2.82% on-month to their highest since last September.<br><br>Planters have been putting in efforts to collect loose palm oil fruits to boost yield amid the peak production season, but output remain constrained by a labour shortage that have been aggravated by pandemic-induced border closures. | https://www.reuters.com/business/energy/malaysia-end-june-palm-stocks-hit-9-month-high-output-imports-grow-2021-07-12/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **New Straits Times**<br>12 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Covid-19: Malaysia's automotive sector losing competitive edge over Asean peers?**<br><br>The local automotive industry stands to lose its competitive edge from other foreign markets in ASEAN if original equipment manufacturers (OEMs) decide to outsource components supplies beyond Malaysia.<br><br>Market observers said OEMs would likely start sourcing from other components manufacturers in ASEAN countries if the current lockdown is prolonged.<br><br>The almost six-week closure of manufacturing factories and continued shut-down in operations including production, sales and after-sales activities could further dampen the sector. | https://www.nst.com.my/business/2021/07/707409/covid-19-malaysias-automotive-sector-losing-competitive-edge-over-asean |

Penemuan penting & isu:

1. Sektor keluli domestik bernilai RM45 bilion telah terjejas teruk oleh penyekatan COVID-19 yang berpanjangan dimana banyak kilang tidak dapat beroperasi dan memenuhi pesanan tertunggak mereka, walaupun terdapat pasaran eksport yang kuat ketika ini. Sebilangan besar pengeluar keluli menghadapi kerugian kewangan yang luar biasa, terutama yang beroperasi di Selangor dan Kuala Lumpur. Pengeluar keluli bimbang dengan kerosakan pada tungku dan peralatan mereka, yang akan menambah kesulitan dan keadaan kewangan yang sudah tidak menentu kerana pelbagai masalah sejak tahun lalu.

2. Stok minyak sawit Malaysia berkembang ke sembilan bulan tertinggi iaitu sebanyak 1.61 juta tan pada akhir bulan Jun. Hal ini berikutan peningkatan pengeluaran dan import mengimbangi lonjakan eksport yang tajam, data dari pengatur industri Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Inventori pengeluar kedua terbesar di dunia meningkat 2.82% bulan ke bulan, ke tahap tertinggi sejak September lalu. Penanam telah berusaha untuk mengumpulkan buah tandan kelapa sawit untuk meningkatkan hasil di

tengah musim yang memuncak, tetapi pengeluaran tetap terbatas oleh kerana kekurangan tenaga kerja berikutan penutupan sempadan yang disebabkan oleh wabak COVID-19.

3. Industri automotif tempatan akan kehilangan daya saingnya daripada pasaran asing lain di ASEAN sekiranya pengeluar peralatan asal (OEM) memutuskan untuk menyumber keluar bekalan komponen di luar Malaysia. Pemerhati pasaran mengatakan bahawa OEM kemungkinan akan mula mendapatkan sumber dari pengeluar komponen lain di negara-negara ASEAN sekiranya tempoh perintah kawalan pergerakan semasa berpanjangan. Penutupan hampir enam minggu kilang pembuatan dan penutupan operasi yang berterusan termasuk aktiviti pengeluaran, penjualan dan selepas penjualan dapat melemahkan lagi sektor ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport barangan besi dan keluli bagi Mei 2021 adalah RM2,269 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM249 juta atau 9.9 peratus bulan ke bulan. Barangan besi dan keluli menyumbang sebanyak 2.9 peratus kepada keseluruhan nilai eksport sektor pembuatan bagi bulan Mei 2021.

2. Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah RM5,070 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM65.7 juta atau 0.8 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah 1.17 juta tan metrik dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 60,348 tan metrik atau 4.9 peratus. India merupakan destinasi utama eksport minyak kelapa sawit dengan nilai eksport bagi Mei 2021 adalah RM1,778.02 juta atau 37.7 peratus diikuti Belanda (RM366.45 juta atau 7.8 peratus) dan China (RM276.98 juta atau 5.9 peratus).

3. Nilai eksport bagi kod HS 8708 (*parts and accessories of the motor vehicles of headings 87.01 to 87.05)* dan 8714 (*parts and accessories of vehicles of headings 87.11 to 87.13*) yang terkandung didalamnya komponen dan aksesori kenderaan bagi Mei 2021 adalah RM612.10 juta dan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak RM40.7 juta atau 6.2 peratus berbanding bulan sebelumnya. Destinasi eksport utama bagi kod HS 8708 bagi Mei 2021 adalah Australia (RM51.47 juta atau 12.4 peratus), diikuti oleh Thailand (RM45.44 juta atau 10.9 peratus) dan Jepun (RM41.71 juta atau 10.0 peratus). Destinasi eksport utama kod HS 8714 pula adalah Singapura (RM171.26 juta atau 86.9 peratus), diikuti oleh Jepun (RM5.04 juta atau 2.6 peratus) dan Indonesia (RM4.93 juta atau 2.5 peratus).

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>**9 July 2021**<br>*(essential)* | **Police probing Top Glove over moving workers prior to MCO.**<br><br>The police are investigating Top Glove Corp Bhd for allegedly moving 1,606 workers out of their dormitories in Petaling Jaya, Selangor, to eight hotels, prior to the imposition of the Enhanced Movement Control Order (EMCO) there, according to a report by Malaysiakini. | https://www.theedgemarkets.com/article/police-probing-top-glove-over-moving-workers-prior-mco-%E2%80%94-report |
| 2. | **The Edge**<br>**10 July 2021**<br>*(non-essential)* | **PIKAS: Sabah targets to vaccinate 18,000 industrial workers**<br><br>Sabah is targeting to vaccinate 18,000 workers from 407 manufacturing factories in the state, under the Public-Private Partnership Covid-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) that started today. | https://www.theedgemarkets.com/article/pikas-sabah-targets-vaccinate-18000-industrial-workers |
| 3. | **Astro Awani**<br>**10 Julai 2021**<br>*(non-essential)* | **Construx mudahkan pembayaran gaji pekerja sektor pembinaan**<br><br>Syarikat teknologi kewangan tempatan, Bayo Pay (M) Sdn Bhd (Bayo Pay) memperkenalkan platform pembayaran gaji digital Construx bagi memudahkan pembayaran gaji buat majikan dalam sektor pembinaan. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/construx-mudahkan-pembayaran-gaji-pekerja-sektor-pembinaan-307746 |

Penemuan penting & isu:

1. *A total of 1,606 workers were taken to eight hotels from their hostels at Weslite in Bandar Sunway, Petaling Jaya, prior to the implementation of the targeted MCO. The news portal also wrote that a woman had, via a viral video, previously claimed that the increase in Covid-19 cases in Selangor was due to a glove factory moving its migrant workers to Klang hotels from their hostels in Petaling Jaya. Klang and Petaling Jaya are among the districts in Selangor placed under the July 3-July 16 EMCO.*

2. *Vaccination is provided by the government at no charge, while the private sector would manage the PPVIN. He said employers have to bear their*

*employees' vaccination cost and are not allowed to transfer it by deducting the workers' salary.*

3. Sistem pembayaran gaji digital Construx akan digunakan semua kontraktor dan pekerja pembinaan yang telah mendaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) secara percuma. Melalui platform ini, syarikat pembinaan kini boleh menguruskan pembayaran gaji pekerja mereka secara terus ke Kad Pendaftaran Personel Pembinaan CIDB (Kad Hijau CIDB) dan aplikasi dompet mudah alih Construx.
.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai jualan sektor pembuatan sarung tangan getah mencatatkan pertumbuhan yang ketara 101.4 peratus pada Mei 2021 dan Top Glove merupakan antara penyumbang utama sektor ini.

2. Pekerja kilang swasta harus mendapatkan vaksinasi melalui PPVIN dan majikan harus menanggung kos vaksinasi pekerja mereka dan tidak dibenarkan memindahkannya dengan memotong gaji pekerja. Pekerja sektor Pembuatan Malaysia pada Mei 2021 merekodkan seramai 2,236,459 orang.

3. Solusi Construx bukan sahaja memberi kemudahan dan mengurangkan kos pengendalian tunai tetapi juga membantu mengurangkan risiko dan meningkatkan keselamatan dalam transaksi. Ketua Eksekutif CIDB Malaysia memaklumkan Construx berjaya menangani cabaran dihadapi syarikat pembinaan yang perlu membayar gaji pekerja binaan secara tunai. Platform ini juga memberi kemudahan kepada mereka di kawasan terpencil yang mempunyai akses kemudahan perbankan yang terhad. Pekerja sektor pembinaan mencatatkan sebanyak 1.2 juta pekerja pada suku pertama 2021.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>9 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Forced labour claims in Malaysian glove industry intensify as Covid-19-driven demand leads to significant change in supply chain — report**<br><br>Malaysian rubber glove manufacturing industry demonstrates a need for existing legislative and policy measures to | https://www.theedgemarkets.com/article/forced-labour-claims-malaysian-glove-industry-covid19driven-demand-leads-significant-change |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | go further to address modern slavery, labour exploitation and poor working conditions in supply chains amid increased demand for medical gloves during the Covid-19 pandemic. Labour issues and indicators of forced labour in the production of medical examination gloves in Malaysia, and supply to the UK's National Health Service (NHS). An already challenging situation regarding working conditions in this sector, the pandemic placed further pressure on labour standards, due to significantly increased demand for gloves and risks associated with COVID-19 transmission among workers. Evidence the scale of forced labour in the Malaysian medical gloves supply chain during the pandemic and identify opportunities for positive change to prevent and remediate labour issues. There was a shift in power towards glove manufacturers with decisions about distribution, pricing, and payment terms more firmly in their hands, increased pressure on existing workers and reduced opportunities for ethical procurement. High recruitment fees and associated loans mean that workers are tied to employers at least until debt is repaid. | |
| 2. | **Berita Harian**<br>12 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **Khidmat digital bakal jadi perniagaan utama AirAsia**<br><br>Perkhidmatan digital AirAsia Group Bhd diyakini mampu mengatasi perniagaan penerbangan dalam tempoh beberapa tahun akan datang. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/07/838461/khidmat-digital-bakal-jadi-perniagaan-utama-airasia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Potensi itu sudah wujud ketika ini, namun ia bergantung kepada bagaimana kumpulan akan merealisasikannya. AirAsia tidak pernah berhenti untuk terus berkembang dalam perniagaan penerbangan dan digital, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk pandemik COVID-19. Begitu juga dengan perniagaan digital yang masih tidak diketahui sejauh mana perkembangannya pada masa hadapan tetapi kumpulan tidak pernah berhenti berusaha. Pasaran digital wujud, begitu juga dengan permintaan, malah mereka mempunyai data yang besar dan komprehensif. AirAsia kini menyasarkan sumbangan 50:50 pendapatan perniagaan digital dan penerbangan. Kekuatan perniagaan digital AirAsia adalah pada ekosistem perniagaan menyeluruh yang dilaksanakannya bermula dari penghantaran makanan, perladangan, teknologi kewangan (fintech) sehinggalah kargo. Rancangan AirAsia untuk mewujudkan bank digital juga dijangka terus mengukuhkan lagi perjalanan digital kumpulan. Lesen bank digital akan memberi lonjakan baharu dalam cabang perniagaan fintech, Big Pay sekali gus memberikan nilai inklusif yang menjadi kekuatan AirAsia sejak hari pertama diwujudkan. Perkongsian dengan MIDF dan Ikhlas akan membantu bank digital Big Pay di mana Bank digital akan memberikan perkhidmatan baharu kepada | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Lantaran itu, ia penting bagi menyokong bersama pengukuhan ekosistem selain mempunyai data yang besar. Big Pay akan menjalin kerjasama dengan konglomerat asing yang mempunyai kepakaran fintech dan AirAsia sentiasa terbuka dengan perkongsian kerjasama yang mempunyai hala tuju yang sama dengan kumpulan. | |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Industri pembuatan sarung tangan getah Malaysia menunjukkan perlunya langkah perundangan dan dasar yang ada untuk melangkah lebih jauh dalam menangani eksploitasi buruh dan keadaan kerja yang kurang baik dalam rantaian bekalan di tengah peningkatan permintaan sarung tangan perubatan semasa pandemi COVID-19. Situasi yang mencabar dengan keadaan kerja di sektor ini, didapati pandemik memberi tekanan lebih tinggi pada piawaian pekerja, kerana peningkatan permintaan sarung tangan dan risiko yang berkaitan dengan penularan COVID-19 di kalangan pekerja.

2. Akhbar 2: Perkhidmatan digital AirAsia Group Bhd yakin mampu mengatasi perniagaan penerbangan dalam tempoh beberapa tahun akan datang kerana potensi itu sudah wujud dan bergantung kepada bagaimana kumpulan akan merealisasikannya. AirAsia sentiasa terus berkembang dalam perniagaan penerbangan dan digital, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk pandemik COVID-19. AirAsia kini menyasarkan sumbangan 50:50 pendapatan perniagaan digital dan penerbangan. Kekuatan perniagaan digital AirAsia adalah pada ekosistem perniagaan menyeluruh yang dilaksanakannya bermula dari penghantaran makanan, perladangan, teknologi kewangan (fintech) sehinggalah kargo. Rancangan AirAsia untuk mewujudkan bank digital juga dijangka terus mengukuhkan lagi perjalanan digital kumpulan. Perkongsian dengan MIDF dan Ikhlas akan membantu bank digital Big Pay di mana Bank digital akan memberikan perkhidmatan baharu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Industri pembuatan sarung tangan getah Malaysia di dalam rantaian bekalan di tengah peningkatan permintaan sarung tangan perubatan semasa pandemik COVID-19 memerlukan langkah untuk menangani eksploitasi buruh dan keadaan kerja yang kurang baik. Situasi ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Semasa terutamanya

komponen Barangan. Pada suku tahun pertama 2021, komponen Barangan mencatatkan lebihan RM36.6 bilion berbanding RM42.6 bilion pada suku sebelumnya.

2. Akhbar 2: Perkhidmatan digital AirAsia Group Bhd mampu mengatasi perniagaan penerbangan dalam tempoh beberapa tahun akan datang. AirAsia kini menyasarkan sumbangan 50:50 pendapatan perniagaan digital dan penerbangan. Ini akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Perkhidmatan terutamanya komponen Telekomunikasi, Komputer dan Informasi dan juga komponen Pengangkutan. Pada suku pertama 2021, akaun Perkhidmatan mencatatkan defisit sebanyak RM15.0 bilion berbanding RM14.0 bilion pada suku sebelumnya.

| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani**<br>11 Julai 2021<br>*(non essential)* | **Industri pelancongan mohon kebenaran beroperasi**<br>Pemain industri pelancongan di Terengganu memohon kerajaan untuk menilai dan mempertimbangkan agar sektor itu dapat dibuka memandangkan negeri itu telah berada di Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).<br>Ia bagi memberi nafas kepada penggiat sektor pelancongan yang semakin tenat khususnya pengusaha di pulau peranginan yang bakal berdepan dengan musim tengkujuh tidak lama lagi.<br>Sumber pendapatan utama mereka untuk menyara keluarga telah terputus hampir dua tahun susulan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/industri-pelancongan-mohon-kebenaran-beroperasi-307811 |
| 2. | **Astro Awani**<br>11 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Permohonan pengeluaran i-Citra dibuka esok**<br>Mana-mana pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berusia 55 tahun ke bawah dan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/permohonan-pengeluaran-icitra-dibuka-esok-307900 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berhasrat membuat permohonan pengeluaran i-Citra boleh melakukannya bermula 12 Julai 2021.<br>i-Citra membolehkan ahli yang layak untuk membuat pengeluaran simpanan KWSP mereka sehingga jumlah maksimum RM5,000 tertakluk kepada jumlah baki simpanan dalam Akaun 1 dan 2. Jumlah pengeluaran yang diluluskan akan dibayar sehingga lima kali bayaran iaitu sebanyak RM1,000 sebulan tertakluk kepada baki simpanan.<br>i-Citra diperkenalkan selaras dengan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) oleh Perdana Menteri pada 28 Jun lalu. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>12 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Unjuran pertumbuhan ekonomi akan diturunkan**<br>Malaysia akan menurunkan tinjauan pertumbuhan ekonominya tahun ini berikutan sekatan pergerakan bagi membendung COVID-19. Kerajaan mungkin mengujurkan pertumbuhan sekitar 4.0 peratus.<br>Sekatan pergerakan menyebabkan ekonomi menanggung kerugian RM1 bilion sehari dan hanya kira-kira 10 peratus penduduk sudah divaksin sepenuhnya.<br>Kerajaan sebelum ini menyatakan akan menyemak semula tinjauan, yang pada ketika ini antara 6.0 hingga 7.5 peratus. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/838493/unjuran-pertumbuhan-ekonomi-akan-diturunkan |
| Penemuan penting & isu: | | | |

1. Industri pelancongan di Terengganu memohon kepada Kerajaan untuk menilai dan mempertimbangkan untuk membuka semula sektor pelancongan memandangkan negeri tersebut telah berada di Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Seterusnya akan membantu meningkatkan hasil pendapatan kepada penggiat sektor pelancongan yang khususnya pengusaha di pulau peranginan.

2. Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berusia 55 tahun ke bawah boleh membuat permohonan pengeluaran i-Citra bermula 12 Julai 2021. Ahli yang layak untuk membuat pengeluaran simpanan KWSP mereka sehingga jumlah maksimum RM5,000 akan dibayar sehingga lima kali bayaran iaitu sebanyak RM1,000 sebulan tertakluk kepada baki simpanan. Inisiatif i-Citra diperkenalkan selaras dengan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) oleh Perdana Menteri pada 28 Jun lalu.

3. Kerajaan akan menurunkan tinjauan pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini sekitar 4.0 peratus berikutan sekatan pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19. Sekatan pergerakan menyebabkan ekonomi menanggung kerugian RM1 bilion sehari dan hanya kira-kira 10 peratus penduduk sudah divaksin sepenuhnya. Kerajaan sebelum ini menyatakan akan menyemak semula tinjauan, yang pada ketika ini antara 6.0 hingga 7.5 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

1. Permohonan pengeluaran KWSP sebanyak RM5,000 di bawah program i-Citra yang bermula 12 Julai 2021 secara tidak langsung memberikan kemudahan kewangan tambahan kepada isi rumah. Program i-Citra yang merupakan inisiatif jangka pendek dapat meringankan beban rakyat Malaysia bagi meneruskan kelangsungan hidup.

| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Sun Daily**<br>09 Julai 2021<br>*(Essential)* | **1,500 families in Penang identified for aid under OP Bantu**<br><br>The Law Enforcement are doing their best in helping those people who are suffering during this pandemic and in need of food basket distribution. Ops Bantu will be distributing food basket to over | https://www.thesundaily.my/local/1500-families-in-penang-identified-for-aid-under-op-bantu-CY8045756 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 1,500 families by stages in five districts in the state. The police are hoping that people to reach out and contact the authorities to make it easier for them in supplying food items to those who are in need. | |
| 2. | **Harian Metro**<br>09 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Usahawan kecil bergabung hulur bantuan**<br>Melalui Tabung Imam Care Group yang diasaskan oleh 31 orang usahawan kecil di sekitar Senawang, sebanyak RM15,000 telah berjaya kumpul hasil daripada sumbangan RM500 setiap seorang dari mereka. Seramai 260 keluarga telah dibantu menerusi dana tabung ini. Bantuan yang disalurkan termasuklan barangan makanan asas dan pembayaran bil utiliti dan sewa rumah yang tertunggak. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/728361/usahawan-kecil-bergabung-hulur-bantuan |
| 3. | **Harian Metro**<br>10 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Proaktif bantu rakyat**<br><br>Kementerian Dalam Negeri telah melancarkan Op Bantu untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang terputus bekalan makanan. Menerusi Op Bantu ini, Ibu Pejabat Polis di seluruh negara akan dijadikan sebagai pusat agihan bantuan bekalan makanan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/728735/proaktif-bantu-rakyat |
| 4. | **Berita Harian**<br>10 Julai 2021<br>*(Essential)* | **6,000 bakul makanan mula diagih di Parlimen Jeli**<br><br>Bantuan bakul makanan menerusi Pakej Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) akan diberikan secara | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/07/837834/6000-bakul-makanan-mula-diagih-di-parlimen-jeli |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berperingkat selama seminggu. Sebanyak 6,000 bakul makanan diagihkan kepada penduduk di kawasan Parlimen Jeli, yang terjejas akibat COVID-19, mulai hari ini. Bantuan bakul makanan hasil daripada peruntukan tambahan sebanyak RM300,000. | |
| 5. | **Berita Harian**<br>11 Julai 2021<br>*(Essential)* | **MAIWP agih 1,350 pek makanan di kawasan PKPD**<br><br>Sebanyak 1,350 pek makanan diagihkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kepada mereka yang terjejas di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Wilayah Persekutuan. Melalui program MAIWP Prihatin Kasih Asnaf 3.0, penyerahan sumbangan diberikan kepada wakil ketua penduduk bagi dua kawasan PKPD iaitu di Lembah Pantai dan Taman Ikan Emas. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/07/838228/maiwp-agih-1350-pek-makanan-di-kawasan-pkpd |
| 6. | **Berita Harian**<br>11 Julai 2021<br>*(Essential)* | **4,000 bakul makanan untuk 4 DUN di Parlimen Hulu Terengganu**<br>Sebanyak 4,000 bakul makanan diagihkan kepada penduduk di empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Hulu Terengganu iaitu Kuala Berang, Ajil, Telemong dan Manir. Agihan diagihkan kepada penduduk terkesan akibat pandemik COVID-19 di kawasan Parlimen Hulu Terengganu melalui peruntukan RM300,000 daripada Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 1,000 bakul makanan | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/07/838251/4000-bakul-makanan-untuk-4-dun-di-parlimen-hulu-terengganu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | untuk diagihkan kepada penerima di setiap DUN. | |
| 7. | **New Straits Times**<br>11 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Government agencies urged to set aside red tape in providing aid**<br><br>The government has launched many types of initiatives and aid packages to help people who are suffering because of the pandemic but sometimes it takes too long to process as some has stages that need to go through. In this desperate and distress time, some has suggest that the government to set aside procedures and immediate help should be given. Social workers should be given recognition as a profession by the government as this will help to improve their skills and start by offering courses and training to them. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/707253/government-agencies-urged-set-aside-red-tape-providing-aid |
| 8. | **Sinar Harian**<br>11 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Capaian internet jadi isu, dikhuatiri beri kesan kepada pelajar**<br><br>Capaian internet kurang memuaskan di Kampung Setol, Yan di sini dikhuatiri memberi kesan kepada pelajar untuk mengikuti sesi belajar secara dalam talian. | https://www.sinarharian.com.my/article/149334/LAPORAN-KHAS/Capaian-internet-jadi-isu-dikhuatiri-beri-kesan-kepada-pelajar |

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 200 keluarga telah menerima bakul makanan sejak pelancaran operasi Op Bantu dan 1,500 keluarga bakal menerima bantuan secara berperingkat.

2. Seramai 260 keluarga telah menerima manfaat daripada dana kutipan Tabung Imam Care Group yang disalurkan melalui bantuan barangan makanan asas dan bayaran bil utility bagi mereka yang memerlukan.

3. Individu yang terkesan dan terputus bekalan makanan diminta untuk hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah atau menghubungi IPD melalui talian rasmi untuk mendapatkan bantuan bekalan makanan.

4. Parlimen Jeli sudah mengagihkan sebanyak 33,800 bakul makanan kepada penduduk terjejas akibat COVID-19 sejak Mac tahun lalu.

5. MAIWP menyarankan orang awam untuk melaporkan jika ada individu atau isi rumah yang memerlukan bantuan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

6. Penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Parlimen Hulu Terengganu tidak perlu mengisi sebarang borang tertentu untuk memohon bantuan sebaliknya menghubungi pegawai Parlimen dan penyelaras DUN.

7. Kerajaan harus memudahcarakan proses kelulusan bagi sebarang bantuan untuk memudahkan rakyat yang kesusahan menerima bantuan dengan segera.

8. Capaian internet kurang memuaskan di beberapa tempat seperti Kampung Setol, Kedah, Kampung Tok Jiring, Terengganu dan Felda Ayer Hitam, Johor. Masalah capaian internet akan menggangu aktiviti seharian seperti PdPR, bekerja dari rumah dan sebagainya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES yang akan datang.

2. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambahbaik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Laporan dijangka akan diterbitkan pada minggu keempat Julai 2021.

3. Capaian internet yang kurang memuaskan di kawasan luar bandar dijangka akan memberi impak penurunan kepada peratus capaian internet oleh isi rumah dan akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan survei ICTHS yang akan datang.

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>12 Julai 2021<br>(Non-*Essential*) | **Kes baharu COVID-19 hari ini kembali turun**<br><br>Kes harian COVID-19 hari ini menunjukkan penurunan dengan 8,574 kes berbanding semalam, 9,105 kes.<br><br>Selangor sekali lagi menyumbang lebih separuh kes hari ini dengan 4,308 kes. Pertambahan kes hari ini menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 844,870 kes. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/838647/kes-baharu-covid-19-hari-ini-kembali-turun |
| 2. | **Utusan Malaysia**<br>12 Julai 2021<br>(Non-*Essential*) | **35 dikesan positif COVID-19 menerusi saringan massa**<br><br>Seramai 35 daripada 1,695 individu yang menyertai program saringan massa menerusi Program Penang Saring COVID-19 (PSC19) dikesan positif walaupun tidak menunjukkan sebarang gejala.<br><br>Mereka dikesan di tiga lokasi PSC19 iaitu di Stadium Bandaraya, Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya dan Dewan Besar Sungai Dua, Seberang Prai. | https://www.utusan.com.my/covid-19/2021/07/35-dikesan-positif-covid-19-menerusi-saringan-massa/ |

Penemuan penting & isu:

1. Kuala Lumpur turut mencatatkan penurunan kes hari ini dengan 609 kes berbanding semalam, 1,247 kes. Hanya Perlis tidak melaporkan sebarang pertambahan kes hari ini. Bagi negeri lain, Negeri Sembilan, 719 kes, diikuti Kedah (415); Melaka (411); Johor (407); Pahang (314); Sabah (298); Sarawak (235) dan Pulau Pinang (231). Selain itu, Perak (168); Terengganu (140); Kelantan (133); Labuan (66) dan Putrajaya (45).

2. Program Penang Saring COVID-19 (PSC19) mengesan mereka yang positif COVID-19 dalam komuniti dan kita dapat menghalang daripada wabak ini merebak. Sebelum ini, kerajaan negeri memaklumkan sebanyak RM3 juta diperuntukkan khusus bagi melaksanakan program saringan secara besar-besaran terhadap kumpulan komuniti sasaran di 40 kawasan DUN bagi mengekang penularan COVID-19. Pendekatan itu bakal meningkatkan jumlah saringan kepada tambahan 40,000 sampel selain inisiatif saringan di lapangan secara berterusan dengan kerjasama Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) Pulau Pinang membabitkan sektor perkilangan. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa negeri, ujian saringan Polimerase-Transkripsi Terbalik (RT-PCR) telah dijalankan kepada individu-individu yang terlibat bagi tujuan pengesahan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
   - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;
   - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan
   - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

3. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama.

| I. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>09 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **KPT digesa turunkan yuran pengajian unversiti**<br><br>Jawatankuasa Pendidikan Pakatan Harapan (JKPPH) menggesa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menurunkan yuran universiti awam (UA) selaras dengan tuntutan mahasiswa yang belajar secara dalam talian saja.<br>Penurunan yuran dengan cara mengecualikan beberapa yuran berkaitan selari dengan keadaan pandemik dan ekonomi ketika ini. Pada masa sama, subsidi tambahan perlu diberikan kepada pihak universiti bagi menampung kos pengurusan universiti melalui geran khas dalam tempoh pandemik ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/837424/kpt-digesa-turunkan-yuran-pengajian-unversiti |
| 2. | **Kosmo**<br>10 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Lebih 300,000 dos selama 5 hari berturut-turut**<br><br>Jumlah yang terima dos pertama ialah 7,222,481 orang. Daripada jumlah itu, 3,190,789 orang juga terima dos kedua. Jumlah pemberian vaksin COVID-19 setakat 9 Julai 2021 ialah 10,750,748 dos dan 337,478 dos pada 9 Julai.<br><br>Menurut KKM, sebanyak 313,761 dos diberikan pada 5 Julai lalu, 340,043 dos (6 Julai), 375,842 dos (7 Julai) dan 376,909 dos pada 8 Julai. | https://www.kosmo.com.my/2021/07/10/lebih-300000-dos-selama-5-hari-berturut-turut/ |

| 3. | **Harian Metro**<br>12 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Wad COVID-19 HTAR terima 151 katil tambahan**<br><br>Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), di sini, akan menerima tambahan 151 katil dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan katil sebanyak 606 buah.<br><br>Ketua Setiausaha KKM berkata, bagi wad COVID-19 Unit Rawatan Rapi (ICU) pula, kapasiti katil rawatan COVID-19 sedia ada di HTAR akan ditingkatkan dari 51 kepada 72 katil, dalam masa terdekat. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/729474/wad-covid-19-htar-terima-151-katil-tambahan |
|---|---|---|---|

Penemuan penting & isu:

1. Jawatankuasa Pendidikan Pakatan Harapan (JKPPH) menggesa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menurunkan yuran universiti awam (UA) selaras dengan tuntutan mahasiswa yang belajar secara dalam talian saja.

2. Pemberian dos vaksin COVID-19 melepasi angka 300,000 dos buat lima hari berturut-turut. Kementerian Kesihatan (KKM) berkata, Malaysia kini berada di landasan tepat untuk mencapai sasaran imuniti kelompok.

3. Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) akan menerima tambahan 151 katil dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadikan jumlah keseluruhan katil sebanyak 606 buah. Bagi wad COVID-19 Unit Rawatan Rapi (ICU) pula, kapasiti katil rawatan COVID-19 sedia ada di HTAR akan ditingkatkan dari 51 kepada 72 katil, dalam masa terdekat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penurunan yuran universiti awam akan membantu meringankan beban segelintir pelajar yang berkemungkinan akan terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan penuntut di universiti awam pada 2019 adalah sebanyak 567,625 orang.

2. Peningkatan kes COVID-19 menyebabkan sistem fasiliti kesihatan kita semakin tertekan berikutan peningkatan pesakit setiap hari. Justeru, penambahan katil di wad COVID-19 di HTAR dapat membantu dan

memastikan sistem kesihatan terus berada dalam keadaan yang baik. Merujuk Buletin Perangkaan Sosial 2020, bilangan katil di hospital kerajaan di Selangor adalah sebanyak 5,907 buah.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Utusan Malaysia**<br>08 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **PKPD Seremban: Kutipan Sisa Pepejal Seperti Biasa**<br><br>Perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh SWM Environment Sdn. Bhd. beroperasi seperti biasa di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lapan mukim di daerah ini, bermula 9 hingga 22 Julai. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/pkpd-seremban-kutipan-sisa-pepejal-seperti-biasa/ |
| 2. | **Utusan Malaysia**<br>08 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Penternak ikan patin mengeluh, pasaran kritikal**<br><br>Pelbagai sekatan dalam tempoh PKP menyebabkan permintaan terhadap ikan sungai terutama ikan patin yang menjadi kegemaran penduduk tempatan dan luar tiada sambutan. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/pasar-segar-terkawal-fama-catat-lebih-rm48-juta/ |
| 3. | **Utusan Malaysia**<br>10 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Pasar Segar Terkawal FAMA catat lebih RM48 juta**<br><br>Inisiatif pasar segar terkawal (PST), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM48.67 juta melibatkan seramai 2,192 petani bagi memasarkan tanaman mereka di 55 PST seluruh negara. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/pasar-segar-terkawal-fama-catat-lebih-rm48-juta/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Utusan Malaysia**<br>10 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Pelaksanaan PPN tunjuk hasil positif**<br>MAFI menyediakan pelbagai bantuan bersasar di bawah pakej-pakej ekonomi disediakan bagi membantu pengusaha sector agromakanan yang terkesan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Antaranya, Program Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank dengan peruntukan sebanyak RM850 juta. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/pelaksanaan-ppn-tunjuk-hasil-positif/ |
| 5. | **Borneo Post**<br>11 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Palm oil industry facing collapse**<br><br>Sarawak's palm oil industry is teetering on the brink of collapse because of crippling labour shortage and restrictions of the standard operating procedure (SOP) imposed to curb the COVID-19 pandemic. As locals generally shun jobs in the industry forcing refineries, oil palm estates and smallholders to depend heavily on foreign workers. | https://www.theborneopost.com/2021/07/11/palm-oil-industry-facing-collapse/ |
| 6. | **Utusan Malaysia**<br>08 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **PKPD Seremban: Kutipan Sisa Pepejal Seperti Biasa**<br><br>Perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh SWM Environment Sdn. Bhd. beroperasi seperti biasa di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lapan mukim di daerah ini, bermula 9 hingga 22 Julai. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/pkpd-seremban-kutipan-sisa-pepejal-seperti-biasa/ |

Penemuan penting & isu:

1. Perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh SWM Environment Sdn. Bhd. beroperasi seperti biasa di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang bermula 9 hingga 22 Julai ini di lapan mukim iaitu Ampangan, Labu, Lenggeng, Pantai, Rantau, Rasah, Seremban dan Setul. Penduduk di kawasan

berkenaan hanya perlu menguruskan sisa secara berhemah dengan membungkus sisa domestik di dalam bungkusan beg plastik, diikat kemas dan melupuskannya ke dalam tong sampah beroda. Perkhidmatan kutipan sisa pepejal bagi sisa domestik berjalan seperti biasa iaitu dua kali seminggu manakala bagi sisa pukal, kitar semula dan sisa taman dilakukan setiap satu kali seminggu.

2. Permintaan terhadap ikan sungai terutama ikan patin tiada sambutan berikutan pelbagai sekatan dalam tempoh PKP. Sebelum PKP, ikan patin boleh laku kira-kira 100 kilogram (kg) sehari berbanding apabila sejak bermulanya PKP cuma 10 kg mampu dipasarkan.

3. Sebanyak RM48.67 juta hasil tanaman berjaya dipasarkan melalui Inisiatif pasar segar terkawal (PST), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, sektor pertanian dan industri makanan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus pada tahun lalu. Ketika ini, peningkatan hasil jualan sebanyak 1,200 hingga 1,300 tan metrik sehari berbanding sebelum ini kira-kira 900 metrik tan.

4. Pelbagai bantuan bersasar di bawah pakej-pakej ekonomi disediakan bagi membantu pengusaha sektor agromakanan yang terkesan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) disediakan oleh MAFI. Program Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank yang memperuntukkan bantuan RM850 juta termasuk RM350 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan RM500 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).

5. *Sarawak's palm oil industry is teetering on the brink of collapse because of crippling labour shortage and restrictions of the standard operating procedure (SOP) imposed to curb the COVID-19 pandemic. As locals generally shun jobs in the industry forcing refineries, oil palm estates and smallholders to depend heavily on foreign workers. Statistics from the Malaysian Palm Oil Board show that Sabah and Sarawak collected a total of 15.246 million tonnes of fresh fruit bunch (FFB) from January to May this year. This marked a drop of 970,350 tonnes or about six per cent from the same period last year.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah diliputi di bawah sub-sektor bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan. Sub-sektor ini boleh dikategorikan kepada enam kumpulan (3 digit) iaitu:
   i. penakungan, perawatan dan bekalan air
   ii. pembetungan

iii. pengumpulan sisa

iv. rawatan dan pelupusan sisa

v. pemulihan semula bahan

vi. aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

2. Berdasarkan penemuan Statistik Ekonomi Tahunan 2018 (TR 2017), sub-sektor ini mencatatkan pertumbuhan 8.1 peratus pada nilai output kasar kepada RM14.4 bilion berbanding tahun 2015. Nilai ditambah pula telah meningkat kepada RM7.0 bilion berbanding RM5.9 bilion pada 2015. Manakala jumlah nilai input perantaraan turut meningkat daripada RM6.4 bilion (tahun 2015) kepada RM7.4 bilion dalam tempoh yang sama.

3. Merujuk kepada Perangkaan Tahunan Perikanan yang diterbitkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, pengeluaran akuakultur ikan patin pada 2019 adalah 17,649.48 tan metrik yang mana Pahang merupakan pengeluar utama dengan 5,048 tan metrik.

4. Pada 2019, penduduk yang bekerja di sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menurun kepada 1,541.1 ribu orang berbanding 1,570.3 ribu orang pada 2018. Warganegara Malaysia dan bukan warganegara yang bekerja di sektor pertanian masing-masing merekodkan seramai 1,049.9 ribu orang dan 491.3 ribu orang. Bagi industri kelapa sawit, pengeluaran buah tandan segar pada 2019 meningkat kepada 639.8 tan metrik berbanding 603.3 tan metrik pada 2018. Statistik ini turut terkandung dalam penerbitan Indikator Pertanian Terpilih, Malaysia oleh DOSM.

| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>**12 July 2021**<br>*(Non-Essential)* | **Proton jangka kakitangannya terima vaksin penuh menjelang pertengahan Ogos**<br><br>Pengeluar kereta nasional, Proton Holdings Bhd menjangkakan kakitangan akan mendapat vaksin penuh menjelang pertengahan Ogos susulan program vaksinasi kepada semua pekerja bermua 12 Julai 2021. Kapasiti maksimum harian melibatkan kira-kira 800 orang dengan | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1981576 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pusat pemberian vaksin industri akan beroperasi selama 6 hari. Inisiatif ini diharap mampu menghidupkan semula industri automotif yang terhenti seketika semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. | |
| 2. | **The Edge Market 12 July 2021** *(Non-Essential)* | **Shopee offers 60,000 MSMEs benefits up to RM3,000 each via onboarding programme**<br><br>Shopee Malaysia is offering 60,000 local micro, small and medium enterprises (MSMEs) benefits of up to RM3,000 each via its Go-eCommerce Onboarding programme in partnership with the Ministry of Finance and the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).<br><br>To qualify, MSMEs must have more than 50% of its shares held by a local person or entity and the total monthly store sales must not exceed RM4 million. Two types of benefit offered; existing Shopee sellers to receive RM2,500 in Shopee store coins cashback vouchers and up to RM500 in service fee rebates. New Shopee sellers registered from July 1, 2021 would receive RM1,500 in Shopee store coins cashback vouchers and up to RM1,500 in service fee rebates. | https://www.theedgemarkets.com/article/shopee-offers-60000-msmes-benefits-rm3000-each-onboarding-programme |
| 3. | **The Edge Market 12 July 2021** (*Non-essential*) | **Tengku Zafrul: Govt to disburse RM500 GKP 3.0 payments to micro-SMEs from July 12** | https://www.theedgemarkets.com/article/tengku-zafrul-govt-disburse- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Another RM500 million under the Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 will be disbursed to nearly one million micro, small and medium enterprises (micro-SMEs) starting from July 12.<br><br>GKP 3.0 amounting to RM1.5 billion, or RM1,500 to each eligible micro-SME. Of this amount, RM1 billion, or RM1,000 per eligible micro-SME, had been disbursed in mid-June. Beginning July 12, an additional RM500, announced through PEMERKASA+, will be disbursed in stages to eligible micro-SMEs. | rm500-gkp-30-payments-microsmes-july-12 |
| 4. | **The Edge Market**<br>**10 July 2021**<br>(*Essential*) | **PIKAS: Sabah targets to vaccinate 18,000 industrial workers**<br><br>Sabah is targeting to vaccinate 18,000 workers from 407 manufacturing factories in the state, under the Public-Private Partnership Covid-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) that started today. This PIKAS would focus on workers in the sectors from the Putatan, Penampang, Papar and Tuaran districts. | https://www.theedgemarkets.com/article/pikas-sabah-targets-vaccinate-18000-industrial-workers |
| 5. | **The Edge Market**<br>**9 July 2021**<br>*(Non-essential)* | **Selangor proposes only essential economic sectors open — MB**<br><br>The Selangor government proposed to the National Security Council (MKN) | https://www.theedgemarkets.com/article/selangor-proposes-only-essential-economic-sectors- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | yesterday that only essential economic sectors be opened until the Enhanced Movement Control Order (EMCO) in the state has been lifted.<br><br>Recommendations submitted to the MKN include maintaining the closure of certain economic and industrial sectors that had been set. discussions with MKN also include permission for the electrical and electronics (E&E) sector to operate in the EMCO areas from July 7, as approved by the Ministry of International Trade and Industry (MITI). According to the ministry, E&E and its supply chains are significant and critical sectors to operate. | open-%E2%80%94-mb |

Penemuan penting & isu:

1. Proton Holdings Bhd menjangkakan kakitangan akan mendapat vaksin penuh menjelang pertengahan Ogos susulan program vaksinasi kepada semua pekerja bermua 12 Julai 2021. Inisiatif ini diharap mampu menghidupkan semula industri automotif yang terhenti seketika semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. Shopee Malaysia menawarkan manfaat bernilai sehingga RM3,000 daripada program *Go-eCommerce Onboarding* kepada 60 ribu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro tempatan. Kriteria kelayakan adalah lebih 50 peratus saham syarikat mesti dimiliki warganegara Malaysia atau entiti tempatan dan jualan bulanan tidak melebihi RM4 juta. Peniaga Shopee sedia ada akan menikmati baucar pulangan tunai Syiling Shopee bernilai RM2,500 untuk kedai selain rebat yuran perkhidmatan bernilai sehingga RM500. Peniaga Shopee baharu yang berdaftar bermula 1 Julai 2021 akan menerima tawaran baucar pulangan tunai Syiling Shopee bernilai RM1,500 untuk kedai dan rebat yuran perkhidmatan bernilai sehingga RM1,500.

3. Sebanyak RM500 juta bayaran Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 Pemerkasa Tambahan akan disalurkan kepada hampir 1 juta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro bermula 12 Julai. GKP 3.0 berjumlah RM1.5

bilion, atau RM1,500 kepada setiap PKS mikro yang layak. Daripada jumlah itu, RM1 bilion, atau RM1,000 kepada setiap PKS Mikro yang layak telah disalurkan pada pertengahan Jun.

4. Seramai 18,000 orang pekerja industri melibatkan 407 kilang pembuatan di Sabah akan menerima vaksin menerusi Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam Swasta (PIKAS). Pemberian vaksin ini meliputi lima daerah iaitu Kota Kinabalu, Putatan, Penampang, Papar dan Tuaran.

5. Kerajaan Negeri Selangor mencadangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya hanya sektor ekonomi perlu sahaja dibenarkan dibuka sehingga tamat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Perbincangan bersama MKN turut merangkumi kebenaran sektor elektrik dan elektronik (E&E) untuk beroperasi di kawasan PKPD bermula 7 Julai seperti yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Menurut kementerian itu, E&E dan rantaian bekalan adalah penting dan kritikal yang perlu beroperasi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:

i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu
iii) Penganggur: 728.1 ribu
iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu
v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus
vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:

i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
iii) Penganggur: 771.8 ribu
iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:

i) Jawatan: 8,437.5 ribu
ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu

iii) Kekosongan: 177.9 ribu
iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
vi) Kadar kekosongan: 2.1%

4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

1. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)